

UPSI terima kunjungan INTAN

Tanjong Malim, 13 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima kunjungan kerjasama strategik dari delegasi Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), dekat sini, Rabu lalu. UPSI dalam satu kenyataan memaklumkan, usaha itu bagi meneroka kolaborasi antara kedua-dua institusi dalam bidang pendidikan serta pembangunan sumber manusia.

Katanya, delegasi INTAN yang diketuai pengarahnya, Datuk Dr. Mohd Zabri Yusof itu turut mengunjungi beberapa fasiliti terdapat di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS). Tambahnya ia termasuk Muzium Pendidikan Nasional (MPN), Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB), serta bilik-bilik kuliah yang dilengkapi dengan teknologi terkini. Menurut kenyataan itu, delegasi INTAN diberi penerangan berkenaan program-program akademik yang ditawarkan oleh universiti, serta inisiatif pembangunan profesional untuk kakitangan akademik dan pentadbiran.

"UPSI yang memiliki pelbagai kemudahan sukan seperti UPSI Sport City dan UPSI Adventure Park di Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS), selain bangunan pengajian dan penyelidikan. "Ia menjadi tumpuan pelbagai pihak untuk menjalin kerjasama (dengan universiti terbabit) sama ada dari dalam mahupun luar negara," kata kenyataan itu, pada Sabtu.

Dalam pada itu, kenyataan sama memaklumkan, Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md. Amin Md Taff berkata, kehadiran delegasi INTAN itu memberi peluang UPSI untuk menunjukkan keberkesanan fasiliti serta program yang ditawarkan kepada institusi pentadbiran awam.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

Sesi serahan surat kenaikan pangkat oleh Pendaftar

Tanjong Malim, 15 Mac- Seramai 14 orang staf pentadbiran daripada pelbagai skim dan gred perkhidmatan di Universiti Pendidikan Sultan Idris telah menerima surat kenaikan pangkat pada 15 Mac lalu. Majlis serahan surat kenaikan pangkat telah disempurnakan oleh Pendaftar UPSI, Encik Helmi Zaifura Abdul Rahman. Semoga dengan kenaikan pangkat ini, pelaksanaan tugas terus dilaksanakan dengan penuh dedikasi serta komited dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Lonjakan motivasi kakitangan ini pasti akan memberikan hasil yang postif kepada UPSI.



UPSI Jalin Kerjasama Strategik dengan Decathlon bagi Pembukaan Outlet di Kampus UPSI

Kuala Lumpur, 15 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris telah menjalankan kerjasama strategik dengan pihak Decathlon bagi pembukaan sebuah outlet di kampus UPSI. Perbincangan dua hala lebih tertumpu kepada pemasaran, tenaga kerja dan lokasi yang bersesuaian bagi penempatan outlet Decathlon di UPSI. Sesi mesyuarat antara UPSI dan Decathlon telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama Canselor, UPSI. Mesyuarat kerjasama ini telah dipengerusikan oleh Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff dan turut dihadiri oleh TNC HEPA UPSI, Prof Dr. Norkhalid Salimin serta beberapa orang pegawai kanan dari UPSI termasuk Pengarah, UPSI Holdings Sdn Bhd.

Pihak Decathlon memaklumkan bahawa tujuan pembukaan sebuah outlet di UPSI adalah untuk mencari tapak yang sesuai dari segi pemasaran barangan, penyediaan billboard dan menawarkan peluang pekerjaan kepada pelajar untuk bekerja sepenuh masa atau separuh masa.

Pelari pecut negara berkampung di UPSI sepanjang Ramadan

Tanjong Malim, 15 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus menjadi pilihan pelari pecut negara menjalani latihan sepanjang Ramadan, berikutan pusat pendidikan tinggi itu menawarkan kemudahan lengkap.

Ketika ini, tujuh atlet pecut di bawah kendalian jurulatih Mohd Poad Md Kassim berada di UPSI sehingga 7 April, menjalani latihan dan meningkatkan daya pecutan mereka. Poad berkata, UPSI dipilih kerana mempunyai kemudahan lengkap seperti kolam renang, trek, dewan tertutup, gimnasium dan perkhidmatan sokongan sains sukan.



Lima Fakulti Sahut Aspirasi NC 2024 Untuk Bangunkan Program Ijazah Dual Di UPSI

Kuala Lumpur, 13 Mac - Lima fakulti dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyahut Aspirasi Naib Canselor UPSI 2024 dengan penglibatan dalam Bengkel Pembangunan Program Ijazah Dual (Dual Degree) di Hotel Seri Pacific pada 07 hingga 09 Mac lalu. Fakulti tersebut ialah Fakulti Pembangunan Manusia (FPM), Fakulti Komputeran dan META Teknologi (META), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK) dan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP). Bengkel ini bertujuan untuk menyediakan dokumen bagi membangunkan Program Ijazah Dual di UPSI bersama beberapa universiti luar negara yang telah dikenal pasti iaitu United Kingdom, Uzbekistan dan Indonesia. Dokumen tersebut akan dihantar ke Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk kelulusan dan seterusnya penawaran program kepada para pelajar.

Pusat Pembangunan Akademik selaku penganjur telah menjemput Penolong Naib Canselor (Pengembangan Akademik) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Profesor Ts. Dr Kamal Yusoh untuk mengadakan sesi perkongsian berkaitan Program Ijazah Dual (Dual Degree) ini. "Pembangunan program ijazah dual ini merupakan salah satu usaha memartabatkan program akademik yang ditawarkan di UPSI untuk ke arah pengantarabangsaan di samping memberi kelebihan kepada pelajar daripada segi pengiktirafan," ucap Prof. Dr. Abdul Rahim Razalli, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dalam sesi aluan.

